

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S182/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan CJ 1/1, Taman Cheras Jaya, (2) Jalan Cheras, Kajang, (3) Jalan Taman Desa Ros, (4) Jalan Putra Budiman, Zon Tengah, Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM100.00	27 Ogos 2024 Hingga 10 September 2024
MPKj S183/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Persiaran Taman Pelangi Semenyih, Zon Selatan, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S184/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Persiaran Pusat Bandar 1, Zon Barat, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S185/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Persiaran Mahkota Cheras 1, (2) Persiaran Mahkota Cheras 2, (3) Persiaran Suakasih, Zon Utara, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S186/2024	Membekal Alatan Pertanian Dan Keselamatan Serta Alat-Alat Yang Berkaitan Untuk Kegunaan Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S187/2024	Cadangan Kerja-Kerja Pembangunan Dan Menaiktaraf Kemudahan Riadah Di Kawasan Lapang Jalan Kajang Mulia 4, Taman Kajang Mulia, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G1	CE21	RM150.00	
MPKj S188/2024	Cadangan Kerja-Kerja Pembangunan Dan Menaiktaraf Kemudahan Riadah Di Kawasan Lapang Jalan Jati Perak, Taman Bukit, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S189/2024	Cadangan Kerja-Kerja Pembangunan Dan Menaiktaraf Kemudahan Riadah Di Kawasan Lapang Jalan Desa Baru 1A, Taman Desa Baru, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G2			

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **27 OGOS 2024 HINGGA 10 SEPTEMBER 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 10 SEPTEMBER 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.